

Dr. M optimis masa depan Proton

"IDEA mengeluarkan kereta nasional, kurang mendapat keyakinan daripada rakyat Malaysia termasuklah rakan-rakan saya di Kabinet.

"Walaupun di depan saya mereka bersetuju, tetapi sebaliknya yang berlaku di belakang saya. Ada juga yang mencemuh usaha tersebut."

Itulah luahan Tun Dr. Mahathir Mohamad tatkala ditanya tentang cabaran terbesar yang dihadapi beliau untuk merealisasikan impian menghasilkan kereta tempatan ketika memegang jawatan Perdana Menteri Keempat Malaysia.

Jelas beliau, ramai menolak idea tersebut berdasarkan tanggapan bahawa pasaran jualan kenderaan negara adalah kecil.

"Jualan kenderaan dalam negara pada awal tahun 80-an adalah sekitar 50,000 buah kereta sahaja setahun," katanya.

Pun begitu, Dr. Mahathir tetap optimis. Baginya, mana-mana negara yang baru berkecimpung dalam industri automotif pastinya bermula dengan pasaran kecil sebelum ia kemudian berkembang.

Sekiranya Malaysia tidak melangkah setapak ke hadapan katanya, selama-lamanya pasaran automotif negara tidak dapat diperluaskan.

"Saya fikir kalau kita boleh jual 25,000 buah kereta dalam setahun buat permulaan, bermakna separuh daripada

"Saya masih ingat lagi pengalaman memandu kereta tersebut di jalan raya, orang ramai menunjuk isyarat bagus kepada saya
- TUN DR MAHATHIR MOHAMAD



pasaran dimonopoli kenderaan nasional.

"Bagi saya, nak buat kereta tiada masalah sebab orang lain pun boleh buat. Kita cuma nak tiru sahaja. Kalau kita tak boleh buat sesuatu alat, kita boleh dapatkannya dari Jepun," katanya.

Pada peringkat awal, Dr. Mahathir tidak menolak kemungkinan negara akan mengalami kerugian, namun beliau percaya setelah mendapat pengetahuan, kebolehan (kepakaran) pasti dapat dipertingkatkan.

"Berdasarkan pengalaman dalam industri pemasangan kenderaan, saya percaya kita berupaya membuat kereta sendiri.

"Cuma kita perlu mendapatkan kerjasama untuk mereka bentuk dan pembuatan enjin daripada pihak luar," katanya.

Pada peringkat awal, Dr. Mahathir telah mengadakan perbincangan dengan Syarikat Daihatsu untuk bekerjasama dan mempelajari kemahiran yang dimiliki mereka.

Bagaimanapun daripada maklum balas yang diterima,

syarikat tersebut tidak menunjukkan minat untuk membantu Malaysia mengeluarkan kereta pertama nasional.

Penolakan itu bagaimanapun tidak langsung mematahkan semangat Dr. Mahathir, sebaliknya ia telah membuka jalan kepada Malaysia untuk mengadakan kerjasama dengan Syarikat Mitsubishi Motor Corporation.

"Kita masih baru, nak berunding pun tak pandai. Saya ada memberi pandangan tentang penggunaan komponen tempatan.

"Mungkin jumlah komponen yang digunakan pada peringkat awal kecil, ia mesti dipertingkatkan dari semasa ke semasa," katanya.

Dr. Mahathir berkata, pada ketika itu kerajaan hanya memberi peruntukkan RM480 juta dan hasilnya kereta Proton Saga dapat meluncur di jalan raya dalam tempoh tiga tahun sahaja.

Beliau yang melancarkan kereta Proton Saga pada 1 September 1985 berkata, dengan jumlah tersebut, kilang Proton Holdings Berhad (Proton) berjaya dibangunkan.

Setahun selepas dilancarkan, hanya 17,001 buah kereta Proton Saga yang berjaya dijual.

Lama-kelamaan, katanya, jualan kereta tersebut semakin laris sehingga mencapai 80 peratus dalam pasaran.

"Sekiranya kita baru nak bermula menceburi industri automotif pada masa ini, jumlah pelaburan jauh lebih mahal.

"Kini nak buat satu platform kereta sahaja sudah mencecah berbilion ringgit," kata beliau yang masih menyimpan kereta Proton Saga keluaran pertama di rumahnya.

Apabila ditanya mengenai pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika beliau bersama kereta Proton Saganya itu, Dr. Mahathir tersenyum.

"Saya masih ingat lagi pengalaman memandu kereta tersebut di jalan raya, orang ramai menunjuk isyarat bagus kepada saya.

"Malah ada yang cakap kepada saya, jika ada pilihan raya pada tahun tersebut, mungkin Barisan Nasional boleh menang besar," katanya.

